# DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)



June 3, 2014

## Perpustakaan Induk UKM Dinamakan `Perpustakaan Tun Seri Lanang`

-->
BBB, 5 Sya`ban 1435 = 2 Jun 2014 (Isnin):

Perpustakaan Induk UKM siap pada awal1980. Dengan itu perpustakaan sementara di aras 3 dan 5 bangunan Pentadbiran di Bangi yang dipindahkan dari Jalan Pantai pada Oktober 1977 dipindahkan ke bangunan kekal awal 1980.



Seawal perpindahan telah difikirkan tentang nama yang sesuai diberikan kepada perpustakaan. Adalah diharapkan nama perpustakaan berkenaan dapat disiapkan sebelum perasmian dilakukan.Tinjauan dibuat kepada pihak-pihak yang releven, terutama mereka yang berkaitan dengan bidang kesusasteraan dan kebudayaan Melayu. Antara pendapat ditinjau dari En. Shaharom Husain seorang ahli drama dan menjadi karyawan Tamu Jabatan Persuratan Melayu UKM. Penulis turut ditinjau pandangan dan turut sama mencadangkan bahawa nama Tun Seri Lanang diabadikan sebagai nama Perpustakaan UKM. Bahkan Penulis diminta menggubah sebuah puisi sempena menamakan Perpustakaan dengan nama Tun Seri Lanang.




Daripada tulisan Shaharom Husain dipetik pendapatnya tentang Tun Seri Lanang:

``… Tun Seri Lanang seorang besar kerajaan Melayu Johor yang chintakan sejarah Tanah Ayer dan Kesusasteraan Melayu. Zaman hidup-nya kira2 akhir Kurun Masehi ke XVI hingga awal Kurun Masehi XVII. …. Nama timbangan Tun Seri Lanang terkenal dalam Kesusasteraan Melayu … Tun Mahmud di-kenal dalam kalangan kaum kerabat-nya kerana itulah nama batang tubuh-nya yang sa-benar.``

ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

~~1 7 0 1 3 8 8~~

PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR




~PERSURATAN SUFI~




~MEREALISASIKAN BANGI BANDAR ILMU~






~TEORI TAKMILAH~

``…. Sungguh pun beliau berdarah bangsawan dan berpangkat jawatan bendahara Kerajaan Johor, tetapi perkhidmatan-nya bersama2 berkechimpong di lembah Kesusasteraan Melayu itu-lah yang membuat nama beliau hingga sekarang di-kenal dan di-sanjung oleh orang ramai terutama peminat2 sastera kita. Hasil2 kesusasteraan-nya yang berbentuk prosa dan puisi yang di-susun atau di-karang-nya di-antara T.M. 1612 dengan T.M. 1615 di dalam ``Sejarah Melayu`` itu, maseh tetap menguntum semerbak, di-pandang kelasik dan bernilai tinggi hingga sekarang.``

Dipetik dari Tun Seri Lanang,
Riwayat hidup dan Sandiwara,
Oleh Shaharom bin Husain.
(Microfis).

Adapun kepada Penulis diminta oleh pihak Perpustakaan beberapa minggu untuk digubah puisi berhubung dengan `Perpustakaan Tun Seri Lanang` dan menyerahkan kepada pihak Perpustkaan tidak lewat dari akhir pertengahan Jun 1980 untuk dinilai bagi dimasukkan dalam buku Cenderamata Perasmian Penamaan Perpustakaan yang akan diadakan pada 19hb. Sya`ban 1400 bersamaan 2hb. Julai 1980. Puisi yang dihantar dan diterima ialah:

Perpustakaan Tun Seri Lanang
Kami yang meneliti jejak zaman
Kegunaan warisan
Inti pemikiran bangsa dan budaya
Untuk diabadikan
Pada gedung ilmu ini
Menemui kepastian
Tiada lain darimu
Tun Seri Lanang
Kau sekaligus pendita dan pujangga
Mentari zaman di ufuk Nusantara.

Telah kau bicarakan tentang warisan
Titisan peradaban dunia
Teradun dalam jalinan
Dan engkau dengan segala kemegahan
Menjunjung peradaban bangsa
Berpusat di Melaka
Cahaya timur
Menarik segala bangsa
Menikmati kemakmuran
Segalanya kau rakamkan
Di dalam kitab
Sulalatu`s-Salatin Hikayat Melayu
Melaluinya
Akar warisan tersirat
Peradaban bangsa tersingkap.

Perpustakaan ini
Inti institusi pengajian
Laut ilmu mengadun



~PUNCAK RINDU~
Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie Abu Bakar



~GAGASAN BANGI~
Himpunan penyertaan Pertandingan Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar Ilmu 2012

Rakaman penemuan
Para ilmiawan
Berbagai bidang
Sumber memupuk
Peradaban bangsa
Waris budaya
Warga dunia
Di sini pencinta ilmu
Karam dalam kehausan
Di laut ilmu tanpa watas
Menghirup piala tanpa puas.

Tun Seri Lanang
Engkau adalah asas
Perlanjutan budaya
Kemegahan bangsa
Dan perpustakaan ini
Inti institusi aspirasi bangsa
Tegaknya dengan harapan menjulang
Dalam renungan tersirat
Adalah lanjutan dari apa yang kautegak
Selaku wira pengukuh bangsa
Benih yang kau semaikan
Sumbangan tak ternilai
Memupuk kesedaran
Budaya dan intelektual
Lantaran itu
Kami pilih namamu
Abadi pada perpustakaan ini
``Perpustakaan Tun Seri Lanang``
Moga
Perpustakaan ini
Turut memperkembang
Budaya dan intelektual
Berterusan.

Shafie Abu Bakar
Jabatan Persuratan Melayu.
10hb. Jun, 1980.
(Madu Ilmu, 1999: 75-76).

(Selepas dihantar dan dinilai, pihak perpustkaan menemui Penulis, bahawa pihak AJK Penilai minta izin Penulis untuk mengubah satu perkataan pada baris dua dalam puisi ``Keagungan warisan`` ditukar kepada ``Kegunaan warisan``, Penulis bersetuju dan dimasukkan dalam buku Cenderamata Sempena Majlis Perasmian Perpustakaan 19hb. Sya`ban 1400 = 2hb. Julai 1980).

Buat beberapa masa Puisi Perpustakaan Tun Seri Lanang ini disalin, diperbesar, dipamer dan digantung di Perpustakaan Tun Seri Lanang, tetapi kini puisi ini tiada kelihatan lagi.

Sekian.

ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at 7:14 AM

## No comments:

## Post a Comment



~BANGI BANDAR ILMU~



~MADU ILMU~



~WAJAH DIRI~



Enter your comment...

Comment as: Syahrul Sazli S

Sign out

Publish Preview

Notify me

Newer Post Home Older Post

Subscribe to: Post Comments (Atom)

~PAMPLET PENYAIR~




~PERADABAN MELAYU~




~PENGAJIAN DI MASJID AL-UMM: CADANGAN~




~DIMENSI TASAWUF~




~TRADISI KEILMUAN DI TERENGGANU~




~40 TAHUN (1977-2017) BANDAR BARU BANGI~

**FACEBOOK AHMAD AZIZI**

facebook

**ARKIB BLOG**

- ► 2007 (31)
- ► 2008 (116)
- ► 2009 (529)
- ► 2010 (534)
- ► 2011 (436)
- ► 2012 (422)
- ► 2013 (387)
- ▼ 2014 (379)
  - ► January (31)
  - ► February (28)
  - ► March (31)
  - ► April (30)
  - ► May (31)
  - ▼ June (30)
    - Exodus Perpindahan Besar-Besaran Dari Kampus UKM J...

Dekad Pertama UKM Melengkapkan Diri Di Bangi

Perpustakaan Induk UKM Dinamakan `Perpustakaan Tun...

DYMM Tuanku Ja`afar Ibni Al-Marhum Tuanku Abdul Ra...

Persepsi Penulis Setelah Sedekad Usia UKM

Dekad 1980an Dasawarsa Pembangunan Dan Perkembangan

Isu-Isu Mendepani UKM: Rasionaliti Dan Kontroversi...

Istilah Sastera Yang Mengelirukan

Mengepalai Perjuangan Mendaulatkan Bahasa Kebangsa...

Melahirkan Ramai Penulis Terkenal

Falsafah Pemikiran Syed Naquib Merubah Pegangan Tr...

Islam Memartabatkan Bangsa Dan Bahasa Melayu

Islam Menghadiahkan Tulisan Kepada Bahasa Melayu `...

Tulisan Jawi Mengapa Di Terengganu ?

Merealisasikan Bangi Bandar Ilmu - Perasmian

Pendekatan Secara Mikro Bangi Bandar Ilmu Berinduk...

Point-Point Utama Jadi Cabaran Bagi Pelaksanaan Ba...

Sesi Perbincangan Meja Bulat Bangi Bandar Ilmu

Lagi Hasil Diskusi Meja Bulat Bangi Bandar Ilmu Da...

Catatan Tambahan Mengenai Bangi Bandar Ilmu

Multaqa Pendakwah - Pemegang Tauliah, Peringkat Ne...

Etika Pendakwah

Syed Naquib Menyelesaikan Mistri Tarikh Pada Batu ...

Polemik Intelektual: Siapa Bapa Persuratan Melayu ?

Hujah Abdullah Munshi Sebagai Bapa Persuratan Mela...

Pendapat Profesor Ismail Hussein Tentang Abdullah ...

Tadarrus Perdana Persatuan Penduduk Diteruskan, Ma...

Abdullah Munshi Pelapor Teliti Dan Pengkritik Tajam

Masjid Hendaklah Dibina Secara Bersih, Jangan Ada ...

Teori Takmilah, Aplikasi Pada Masjid Al-Umm

► July (32)

► August (41)

► September (31)

► October (31)

► November (31)

► December (32)

► 2015 (335)

- ► 2016 (360)
- ► 2017 (372)
- ► 2018 (370)
- ► 2019 (367)
- ► 2020 (402)

## PERKEMBANGAN TERKINI MASJID AL-UMM

**MayBank Islamic Bandar Baru Bangi**
**Tabung Masjid Al-Umm**
**5628-3460-7208**

**Sebarang pertanyaan boleh menghubungi:**

**Dr. Shafie Abu Bakar - 019 387 4002 Pengerusi**

**Tuan Husin Haji Yunus - 019 667 7501 Setiausaha**

**Tuan Haji Mohd Nor Haji Mohd Yasin - 019 238 3944 Bendahari.**





## BERITA SEMASA

**Ibnu Hasyim**
'..sikit pengalaman saya bersama..'seorang gadis Kristian di Iraq. -Dr Azman Ibrahim.
*5 hours ago*

**Tukar Tiub**
BUDAK BAIK SEDANG DIZALIMI
*9 hours ago*

**Ameno World**
Nama Muafakat Nasional Sudah Didaftarkan Oleh Orang Lain - Nik Amar.
*13 hours ago*

**Sozcyili**
Netizens Pelik 'Lori' Didakwa Guna Logo Halal Palsu, Apa Dah Jadi Dengan Kes Serbuan Gudang Di Senai?
*13 hours ago*

**Palestinkini**
Pasca normalisasi, penerbangan terus dari Tel Aviv ke Rabat, Morocco
*23 hours ago*

**MiLo SuaM**
Tengku Razaleigh ada bincang penubuhan kerajaan baru ketika mengadap Agong kata pembantu
*2 months ago*

**Idris Ahmad**
Catatan Dhuha Oktober 2019
*1 year ago*

**ALHUSSEYN**
Cerita di sebalik penjualan Pusat Pendidikan Al-Barakah
*2 years ago*

**RAKYAT MARHAEN**
NOTIS PENUTUPAN BLOG RAKYAT MARHAEN
*2 years ago*

**N45**
Happy & Prosperous Chinese New Year
*2 years ago*

**KELAB GREENBOC**
[VIDEO] Husam Dedah Komisyen Balak Diguna Beli Wisma Tok Guru
*3 years ago*

**Panglima 7**
Maha Suci Allah dari Apa yang dipersekutukan.
*3 years ago*

**BLOG - BLOG PRO POLITIK**
ALHUSSEYN
*3 years ago*

**hamirdin**
*3 years ago*

**Jom Kita Baca**
Kemenangan diukur cara Islam bukan cara barat
*4 years ago*

**fendi tazkirah**
MUNGKIN BOLEH MEMBANTU...SEMUA DENGAN IZIN ALLAH 4
*4 years ago*

**ULAMA PEWARIS NABI**
KENANGAN SEMASA BERTUGAS DI SEBUYAU, SARAWAK ! MOGA DAPAT TAWARAN BERTUGAS KE SARAWAK
*4 years ago*

**KHIDMAT MERU**
"Paciaru" atau breakfast.
*5 years ago*

**DUN N26 Bangi, Selangor**
Bila Tok Imam buat pukulan ‘Smash pancung’
*6 years ago*

**Mencari Sinar Ilahi**
Jadual Kuliah | Minggu 3
*6 years ago*

**Kopi dan tampal**
Beragama Islamkah mereka?
*7 years ago*

**misbahul munir**
PAS PERAK kunjungi DUN Rungkup bertemu pengundi
*8 years ago*

**wartamaya**
Antara madet dan setan
*8 years ago*

**i n t a n h i j a u**
SELAMAT DATANG KE INTANHIJAU2
*8 years ago*

**Sekretariat Bangi Bandar Ilmu**
Laporan Penilaian Peraduan Esei Dan Puisi Bangi Bandar Ilmu, Perisytiharan Hari Ilmu Dan Penerbitan Buku
*8 years ago*

**al-brangi Online**

UMNO.....taktik rempuh bawa padah
*11 years ago*

**GERBANG MEDIA UMMAH**
Malaysiakini - Pelan PM letak jawatan disusun
*12 years ago*

**Malaysiakini**

**My Berita**

**Selatan Online**

**Dewan Muslimat PAS Serdang**

**www.amalmalaysia.net/v1/**

**Pemuda Titiwangsa**

**Addin**

**CINA ISLAM (林川興)**

**www.harakahdaily.net/v2/**

**~penarik beca**

---